

# Usah dakwah sambil lewa — kata Anwar



ENCIK ANWAR IBRAHIM

## KUALA LUMPUR, Isnin.

KUALA LUMPUR, Isnin — Kalangan pemimpin Pergerakan Pemuda Umno di semua peringkat diingatkan supaya jangan menjadikan kegiatan dakwah sebagai kegiatan bermusim.

Ketua Pergerakan itu, Encik Anwar Ibrahim berkata, penerapan nilai-nilai Islam yang menjadi cita-cita dan hasrat kerajaan tidak akan terlaksana kalau kegiatan dakwah diadakan secara sam-

bil lewa.

Bellau berkata demikian ketika menutup seminar sehari "Penyebaran al-Quran" anjuran Biro Dakwah Pergerakan Pemuda Umno di Masjid Negara petang semalam.

### Akhlak

Encik Anwar menekankan bahawa kegiatan dakwah hendaklah dijadikan tradisi keilmuan, taklim dan takdib untuk mengembalikan zaman kegemilangan Islam.

Islam, katanya, ti-

dak ditegakkan atas asas politik dan perundangan sahaja, malah menyeluruh dalam semua aspek kehidupan, termasuk iman, akhlak serta keperibadian yang luhur.

Encik Anwar berkata Umno, sebagai parti pemerintah, tetap dicabar dalam semua aspek, terutama dalam usaha menerapkan nilai-nilai keislaman ke dalam pentadbiran kerajaan.

"Kerana itu kita terpaksa mempunyai rancangan yang teliti dan penerangan yang meluas ke semua peringkat, baik negeri, bahagian atau kawasan," katanya.